

THE EFFECTIVENESS OF IMPLEMENTATION CASH WAQF IN SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR): AN ANALYSIS OF THREE SELECTED Sars IN PAHANG

KEBERKESANAN PELAKSANAAN WAKAF TUNAI DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR): ANALISIS TERHADAP TIGA SAR TERPILIH DI NEGERI PAHANG

Surita Hartini Mat Hassanⁱ, Mohd Nasir Ayubⁱⁱ, Sakinatul Raadiyah Abdullahⁱⁱⁱ,
Che Khadijah Hamid^{iv} & Salimah Yahaya^v

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia. suritahartini@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia mnasir251@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia sakinatulraadiyah@uitm.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia chekhadijah@uitm.edu.my

^{vi} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia salimahyahya@uitm.edu.my

Received: 6 June 2025

Article Progress
Revised: 1 July 2025

Accepted: 12 July 2025

Abstract	<p><i>Sekolah Agama Rakyat (SAR) is one of the religious school streams in Malaysia. SARs are primarily established through private funding. As a result, many SARs in Malaysia face financial constraints in managing their school administration. Therefore, this study explores strategies that SAR administrators can implement to alleviate financial burdens through the cash waqf instrument. The main objective of this study is to examine the implementation of cash waqf and analyze its effectiveness in sustaining governance at SARs. This research employs a qualitative approach, using face-to-face interviews as the primary data collection method with semi-structured questions. The study involved three respondents, including the chairman and principal from three selected SARs in the state of Pahang. The collected data is further supported by secondary sources such as books, magazines, journals, and articles. The data was analyzed using content analysis methods. The findings indicate that all three SARs studied have implemented cash waqf as part of their financial resources for school governance. The cash waqf funds were contributed by various community groups, including individuals and non-governmental organizations (NGOs). These funds have successfully facilitated the construction of new school buildings and prayer halls, as well as the enhancement of existing facilities. This study hopes that the cash waqf implementation approach adopted by the selected SARs can serve as a model for other SARs in Malaysia and other educational institutions in their efforts to alleviate financial burdens in school governance.</i></p> <p>Keywords: <i>Cash Waqf, Sekolah Agama Rakyat (SAR), Financial Sustainability, Governance</i></p>
Abstrak	<p><i>Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan antara sekolah aliran agama yang terdapat di Malaysia. Penubuhan SAR kebanyakannya menggunakan dana</i></p>

	<p><i>persendirian. Oleh sebab itu, kebanyakan SAR di Malaysia berhadapan dengan kekangan kewangan dalam urus tadbir sekolah. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan strategi yang dapat dilaksanakan oleh pentadbir SAR untuk mengurangkan bebanan kewangan melalui instrumen wakaf tunai. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan wakaf tunai dan menganalisis keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai untuk melestarikan urus tadbir di Sekolah Agama Rakyat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Temu bual secara bersemuka dilakukan sebagai kaedah pengumpulan data menggunakan soalan separa berstruktur yang melibatkan tiga orang responden yang terdiri daripada pengerusi dan pengetua SAR di tiga buah SAR yang terpilih di negeri Pahang. Data kajian ini juga disokong oleh sumber sekunder seperti buku, majalah, jurnal, artikel dan lain-lain. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga buah SAR yang dikaji melaksanakan wakaf tunai sebagai sebahagian daripada sumber kewangan urus tadbir sekolah. Dana wakaf tunai diperoleh daripada pelbagai kelompok masyarakat misalnya individu dan juga badan NGO. Hasil kutipan dana wakaf tersebut berjaya membina bangunan sekolah yang baru, surau serta dapat menambahbaik bangunan sediaada. Kajian ini mengharapkan agar kaedah pelaksanaan wakaf tunai oleh SAR yang terpilih dapat dijadikan panduan bagi SAR di Malaysia serta institusi pendidikan yang lain dalam usaha mengurangkan beban kewangan dalam urus tadbir sekolah.</i></p> <p>Keywords: <i>Wakaf Tunai, Sekolah Agama Rakyat, Kelestarian kewangan, Urus tadbir</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Wakaf tunai merupakan bentuk wakaf kontemporari yang bertujuan meningkatkan jumlah pewakaf, khususnya di Malaysia. Secara umumnya, ia boleh diterjemahkan sebagai wakaf melalui wang ringgit. Hasil wakaf wang tunai yang diperoleh daripada orang ramai dikumpul dan diuruskan untuk kepentingan awam kemudian diagihkan kepada sektor-sektor pembangunan masyarakat seperti pendidikan, kesihatan, ekonomi dan masyarakat (Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda 2017). Institusi wakaf di Malaysia seperti Baitulmal, Yayasan Agama dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) lebih menekankan skim wakaf tunai kepada para pelanggan. Hal ini menunjukkan satu perkembangan yang baik dalam menggalakkan masyarakat Islam untuk berwakaf. Pewartaan keputusan keharusan berwakaf dengan wang ringgit oleh Majlis Fatwa Kebangsaan menambahkan lagi keyakinan masyarakat terhadap kaedah tersebut.

Berwakaf secara tunai sangat praktikal kerana pemilikan mutlak bersifat kekal seperti hartanah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia adalah rendah dan mengekang keupayaan serta kemampuan berwakaf. Kaedah ini merupakan alternatif yang efektif untuk program membasmi kemiskinan, khususnya untuk orang Islam. Wang hasil daripada wakaf tunai bersifat fleksibel dan mudah dikembangkan berbanding dengan wakaf harta kekal seperti tanah dan rumah. Sejarah turut membuktikan wakaf tunai merupakan sumber pembiayaan kepada kerajaan dalam menyediakan keperluan asas seperti kemudahan pendidikan, kesihatan, kebajikan dan aktiviti lain yang bermanfaat kepada masyarakat terutamanya pada zaman pemerintahan Kerajaan 'Uthmaniyyah.

Dana wakaf tunai berpotensi membantu institusi pendidikan Islam menangani masalah dan kekangan kewangan yang telah sekian lama dalam pengendalian pengurusan dan utiliti. Institusi pendidikan Islam seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR) berperanan penting dalam membentuk nilai-nilai moral, etika dan spritual masyarakat kerana menyediakan pendidikan Islam berasaskan kurikulum dinniyah. Namun, penubuhan SAR secara persendirian menyebabkan keupayaan untuk mendapatkan dana pembiayaan

daripada kerajaan agak terbatas. Hal ini mengakibatkan wujudnya ketidakseimbangan pembangunan SAR di Malaysia.

Keadaan ini memerlukan pentadbir SAR proaktif mencari dan menjana pendapatan untuk memastikan kelangsungan pendidikan agama. Alternatif yang paling sesuai untuk dilaksanakan pada masa kini ialah wakaf tunai (Surita Hartini Mat Hassan et al, 2023).

Mutakhir ini perkembangan pelaksanaan wakaf tunai bagi tujuan pendidikan semakin berkembang. Malah, tidak lagi semata-mata berkisarkan kepada penyediaan pusat pendidikan pondok, madrasah, sumbangan buku atas nama sistem pendidikan tradisional, tetapi melibatkan institut pengajian tinggi seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan yang terbaru adalah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Mahamood et al., 2018; Mujani et al., 2016). Dana wakaf tunai ini bertujuan menerima aset, wang tunai, saham dan aset-aset kewangan dalam negara dan luar negara yang akan digunakan untuk membiayai biasiswa, pinjaman dan urusan pengembangan dana seperti aktiviti pelaburan (Sindi Aurora Maharani & Purnama Putra., 2018).

Hakikatnya, sumbangan wakaf kepada pembangunan pendidikan Islam, khususnya di sekolah-sekolah agama tidak dapat disangkal lagi. Wakaf menjadi salah satu penguat dana selain daripada zakat. Zakat tidak dinafikan fungsinya kerana turut berfungsi sebagai instrumen yang sangat penting dalam mempromosikan keadilan sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Ini juga selari dengan peranan dalam membantu sistem pendidikan kerana elemen pendidikan adalah satu asas yang sangat penting dalam proses membangunkan individu dan masyarakat. Ia memainkan peranan utama dalam mengurangkan ketidaksamaan sosial dan ekonomi (Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, et al., 2024). Hal ini selari dengan dapatan kajian daripada Norly Marlia Kamaruddin, et al., (2024), yang turut menyatakan bahawa zakat dan wakaf sememangnya instrumen kuat dalam menyokong pembangunan modal insan dan prasarana sekolah agama rakyat.

Keperluan untuk memastikan kelangsungan pendidikan di SAR adalah kritikal, terutamanya dalam konteks kekurangan dana dan sokongan kerajaan. Wakaf tunai sebagai sumber pembiayaan alternatif dapat membantu mengatasi masalah ini dengan menyediakan dana yang diperlukan untuk operasi dan pembangunan pendidikan di SAR. Dengan memanfaatkan wakaf pendidikan, institusi pendidikan dapat meningkatkan kualiti pendidikan yang ditawarkan dan memastikan bahawa setiap individu, tanpa mengira latar belakang ekonomi, dapat menikmati hak mereka untuk pendidikan yang berkualiti.

Secara keseluruhannya, pendidikan adalah hak asasi manusia yang perlu dipertahankan dan dipromosikan. Melalui sokongan dana yang berterusan dan model pembiayaan inovatif seperti wakaf, kita dapat memastikan bahawa pendidikan berkualiti dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat, sekaligus menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih baik (Made Subawa, 2023).

Kajian lepas berkaitan keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai di Sekolah Agama Rakyat (SAR) mendapati bahawa sekolah-sekolah ini sering menghadapi kekangan kewangan untuk menguruskan pentadbiran mereka. Kajian Mohd Nasir Ayub et., al, 2024 membincangkan pelaksanaan wakaf tunai dilihat sebagai solusi yang signifikan dalam menyokong kewangan SAR. Contoh yang boleh dijadikan panduan ialah Sekolah Rendah Islam Tahfiz Integrasi (SRITI) Al-Fateh, di mana model wakaf tunai telah berjaya diterapkan dengan jayanya. Ini memberikan panduan kepada sekolah-sekolah SAR di Malaysia untuk memperbaiki sistem pentadbiran dan sumber kewangan mereka melalui wakaf tunai. Dapatan ini turut di sokong oleh kajian Surita Hartini Mat Hassan, et al., (2019) yang turut memperakui bahawa pelaksanaan wakaf tunai bukan sahaja membantu meningkatkan kewangan SAR, tetapi juga memberikan manfaat kepada masyarakat setempat, seperti mengurangkan masalah kemiskinan melalui pembangunan yang mampan hasil daripada sumbangan wakaf tunai. Oleh itu, model ini penting dalam memastikan kestabilan kewangan bagi sekolah-sekolah agama di Malaysia dan kawasan sekitarnya.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas, masih belum ditemui kajian secara perbandingan terhadap keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai di SAR khususnya di negeri Pahang. Kajian ini berhasrat menyumbang ilmu pengetahuan berkaitan isu tersebut untuk mengisi kelompangan kajian. Justeru kajian seumpama ini sangat perlu dilakukan bagi membantu SAR khususnya, dan juga sekolah-sekolah agama yang lain dalam usaha mengembangkan pendidikan Islam melalui pelaksanaan wakaf tunai sebagai sumber kewangan untuk membiayai urus tadbir sekolah. Kajian ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti pelaksanaan wakaf tunai di tiga buah SAR terpilih di negeri Pahang. Kedua, menganalisis keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai tersebut. Kajian ini dilakukan secara temu bual bersemuka dengan pentadbir SAR untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap dan bersesuaian dengan keperluan kajian menggunakan soalan separa berstruktur. Hasil kajian memberikan gambaran yang jelas kepada SAR terhadap keperluan pelaksanaan wakaf tunai untuk mengatasi masalah kewangan sekolah.


KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif merupakan satu pendekatan penyelidikan yang bertujuan memahami dan menerangkan fenomena sosial atau manusia melalui pemerhatian mendalam, analisis kualitatif, dan tafsiran data. Menurut Bryant (2006) dan Bruce (2007), penyelidik perlu mendapatkan data daripada pelbagai sumber, terutamanya daripada ingatan dan pengalaman ahli organisasi secara mendalam dan menyeluruh untuk memastikan keputusan yang diperoleh adalah berkualiti tinggi. Salah satu kaedah yang sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif adalah temu bual secara bersemuka. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka. Antara langkah-langkah penyelidikan yang telah dijalankan di tunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1 memaparkan kaedah yang diaplikasikan oleh penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Terdapat lima fasa iaitu persediaan awal; sesi temu bual; merekod dan merakam; analisis data; dan pelaporan dan interpretasi. Temubual secara bersemuka adalah satu kaedah yang kuat dalam penyelidikan kualitatif kerana ia membolehkan penyelidik memahami pandangan, pengalaman, dan persepsi responden dengan lebih mendalam. Namun, ia juga memerlukan kecekapan dalam berkomunikasi dan mengendalikan hubungan dengan responden secara beretika.

Temu bual bersemuka dilakukan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mendalam. Kajian ini melibatkan 3 responden yang terdiri daripada pengerusi, mudir dan pengurus projek SAR terpilih di negeri Pahang di tunjukkan dalam Jadual 1. Jadual 1 memaparkan nama sekolah SAR yang dikaji beserta masa temu bual. Data kajian ini juga disokong oleh sumber sekunder seperti buku, majalah, jurnal, artikel dan lain-lain. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Rajah 1: Langkah Pelaksanaan Sesi Temu Bual dan Analisis Data



Jadual 1: Pelaksanaan Sesi Temu Bual

Koding KOD	Tarikh/Masa Temu Bual	Tempat	Penglibatan	Kaedah Temu bual
SAR 1	18/8/2023	Sekolah Rendah Islam Tahfiz Integrasi (SRITI) al-Fateh, Raub, Pahang	-Pengerusi Sekolah -Mudir -Pengurus operasi	Temu Bual secara Bersemuka
SAR 2	20/9/2023	Pondok Moden Tahfiz Al-Banna (PMTAB) Kg Pulau Raya, Pekan Kuala Krau, Temerloh	-Ketua Jabatan	Temu Bual secara Bersemuka
SAR 3	20/9/2023	Maahad Tahfiz Al-Furqan (MATAF), Temerloh, Jalan Maran, Batu 5, Kampung Sungai Gau, Temerloh	-Timbalan Mudir	Temu Bual secara Bersemuka

Sumber: Data penyelidikan (2023).

Jadual 1 menunjukkan tarikh dan masa sesi temu bual yang dilakukan. Temu bual secara mendalam terhadap pentadbir di tiga SAR terpilih di Negeri Pahang dilakukan pada bulan Ogos dan September 2023. Pemilihan SAR dilakukan berdasarkan keaktifan sekolah tersebut melaksanakan kutipan wakaf tunai melalui sebaran media sosial. Sekolah yang dipilih juga dikenal pasti telah wujud lebih 5 tahun dan mempunyai bilangan pelajar melebihi 100 orang pelajar. Kajian ini telah menemubual pengerusi dan mudir sekolah untuk mendapatkan data yang lengkap dan mendalam. Temu bual ke tiga-tiga sekolah ini berjaya memberikan maklumat yang berguna untuk keperluan kajian bagi memenuhi objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kaedah Pelaksanaan Wakaf Tunai

Pelaksanaan wakaf tunai dalam kalangan SAR di Malaysia terutamanya di negeri Pahang sangat menggalakkan. Pelaksanaan wakaf tunai seakan menjadi menjadi satu keperluan kepada SAR sebagai sumber kewangan dan pembiayaan dalam mengembangkan SAR. Terdapat pelbagai jenis kaedah pelaksanaan wakaf tunai yang diamalkan di SAR di negeri Pahang sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Menurut Othman (2015) wakaf tunai merupakan kaedah berwakaf yang menjadikan wang tunai sebagai aset wakaf seperti wakaf wang tunai, wakaf saham, wakaf lot/kaki, saham wakaf dan lain-lain. Kaedah ini

dapat memperbanyak lagi jumlah pewakaf kerana kaedahnya mudah dilaksanakan dengan kadar yang agak murah serendah RM5.

Jadual 2: Jenis Wakaf Tunai Yang Di Laksanakan Di SAR Terpilih

JENIS WAKAF TUNAI	SAR 1	SAR 2	SAR 3
Wang Tunai	√	√	√
Wakaf Lot/Wakaf Kaki			√
Wakaf Bahan Binaan (Mozek/Simen/Bata/dll)	√	√	
Sewaan Bangunan	√		√
Sewaan Tanah		√	√

Sumber: Data Temubual, 2023

Jadual 2 menunjukkan jenis wakaf tunai yang dilaksanakan di ketiga-tiga SAR yang terpilih. Berdasarkan analisis data temu bual yang diperolehi terdapat 5 kaedah pelaksanaan wakaf tunai iaitu wang tunai, wakaf lot/wakaf kaki, wakaf bahan binaan, sewaan bangunan dan sewaan tanah wakaf. Kebanyakan SAR mengamalkan kutipan wang secara tunai sebagai aset wakaf. Wakaf dalam bentuk wang dilaksanakan di ketiga-tiga SAR yang dikaji. Kutipan ini melibatkan kutipan secara berkala dan tidak berkala. Kutipan berkala ini bermaksud kutipan yang dilakukan secara bulanan atau tahunan melalui potongan gaji dan lain-lain. Hasil kajian juga mendapati kutipan wakaf secara tunai ini mendapat sambutan yang sangat mengalakkan dalam kalangan masyarakat (SAR 1; SAR 2 ; SAR 3; 2023).

Selain itu, kaedah wakaf tunai yang dilaksanakan juga melalui penawaran wakaf dalam bentuk lot atau kaki bagi tanah wakaf yang terdapat di sekolah. SAR 2 dan 3 melaksanakan kaedah untuk dapatkan dana bagi tujuan mengembangkan tanah wakaf sedia ada. Hasil kutipan tadi digunakan untuk membina bangunan sekolah yang baru di atas tanah wakaf tersebut. Kadar yang biasa ditawarkan ialah serendah RM10 hingga RM50 perkaki/lot (berdasarkan pakej yang ditawarkan).

Bagi kutipan wakaf terhadap bahan binaan juga antara kaedah yang telah dilaksanakan. Misalnya SAR 2 melaksanakan kutipan untuk pembelian bahan bagi membaiki awning dan lantai dewan makan pelajar dengan jumlah yang diperlukan ialah 20k dengan keluasan 60ft x 20ft. Bahan yang ditawarkan sebagai aset wakaf ialah simen, zink, batu bata dan lain-lain. Pelaksanaan wakaf tunai ini telah memberikan kesan yang positif terhadap ke tiga-tiga SAR yang di kaji. Dapatan ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Impak keberkesanan pelaksanaan wakaf tunai oleh SAR

IMPAK PELAKSANAAN	SAR 1	SAR 2	SAR 3
Pembinaan bangunan baru	√	√	√
Pembinaan Surau/ Masjid	√		
Penubuhan Koperasi	√		
Penambahbaikan bangunan sedia ada	√	√	√
Pembinaan kedai		√	√
Aktiviti pertanian		√	

Jadual 3 mempamerkan impak pelaksanaan wakaf tunai di ketiga-tiga SAR yang dipilih sebagai subjek kajian. Hasil temu bual yang dijalankan, SAR 1 berjaya membina bangunan ke atas tanah wakaf sedia ada. Bangunan tersebut dijadikan sebagai bangunan sekolah 2 tingkat. Selain pembinaan bangunan sekolah, dana wakaf tunai juga digunakan

untuk pembinaan masjid, koperasi dan penambahbaikan bangunan sedia ada. SAR 2 juga berjaya membina bangunan sekolah yang baru di atas tanah wakaf. Selain itu dana wakaf tunai juga digunakan untuk tambah baik bangunan sedia ada, pembinaan kedai dan digunakan juga sebagai modal untuk aktiviti pertanian. Impak yang sama juga dapat dikenal pasti di SAR 3. Pembinaan bangunan sekolah yang baru di SAR 3 melibatkan penggunaan dana wakaf tunai selain menambahbaik bangunan sedia ada dan turut dibina kedai untuk disewakan. Bayaran sewaan ke atas kedai tersebut diajdiikan sumber kewangan kepada sekolah. Dana yang diperoleh dibahagikan mengikut peratusan tertentu berdasarkan keperluan seperti bagi tujuan pelaburan, penambahbaikkan bangunan/kemudahan sekolah serta bayaran gaji/upah dan lain-lain. Dapat dirumuskan pembinaan baru seperti sekolah, masjid/surau dan juga kedai merupakan antara impak yang sangat memberi kesan positif kepada SAR yang dikaji.

Hasil kajian sangat diperlukan pada masa kini bagi membantu sekolah-sekolah Agama seperti SAR yang tidak mendapat bantuan daripada kerajaan untuk mencari sumber kewangan melalui pelaksanaan wakaf tunai. Umum memahami amalan wakaf dijamin pahala yang berterusan selagimana harta yang diwakafkan dimanfaatkan. Konsep wakaf ini boleh dijadikan motivasi kepada masyarakat untuk menjadikan wakaf sebagai amalan dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT di samping dapat membantu sekolah-sekolah Agama meneruskan dakwah kepada masyarakat dengan melahirkan lebih ramai tokoh agama yang berbakat.

KESIMPULAN

Pendidikan adalah hak asasi manusia yang diiktiraf sejagat. Setiap insan berhak kepada akses mendapatkan pendidikan yang berkualiti untuk kemajuan diri dan menyumbang kepada pihak lain. Namun, kos pendidikan adalah sangat tinggi. Dana sokongan selain peruntukan kerajaan amat penting untuk diwujudkan bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan pendidikan secara lestari. Wakaf tunai adalah alternatif terbaik berdasarkan rekod keunggulannya sejak dahulu hingga kini. Namun, matlamat ke arah memperluaskan wakaf tunai di Malaysia iaitu mewujudkan dana wakaf untuk semua sektor dan peringkat pendidikan termasuk sekolah-sekolah kerajaan berhadapan beberapa kekangan seperti isu undang-undang kerana pelaksanaan yang berbeza bagi setiap negeri. Walau bagaimanapun, masih wujud peluang-peluang bagi menjayakan hasrat melalui kerjasama strategik para pemegang taruh dalam pendidikan dan wakaf di Malaysia. Instrumen wakaf tunai berpotensi sebagai instrumen wakaf pendidikan terutamanya di SAR. Dana wakaf tunai dapat dijadikan sebagai sumber pembiayaan membangunkan wakaf pendidikan. Hasil kajian ini boleh di jadikan sebagai panduan dan membuka jalan bagi meneruskan kecemerlangan SAR seperti yang dikecapi umat Islam pada zaman silam melalui pelaksanaan wakaf tunai. Perancangan, penyelidikan dan perbincangan bersepadu semua pihak berkepentingan amat penting sehingga dapat merumuskan satu pelan dan model pelaksanaan wakaf tunai bagi tujuan pendidikan yang komprehensif.

RUJUKAN

Buku

Razali Othman. (2015). *Wakaf tunai: Sejarah, amalan dan cabaran masa kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Jurnal

Aloysia Vira Herawati & Dmitry Sergeevich Ermakov. (2022). Human rights education in Indonesian higher education institutions: opinions of students and teachers. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*, 41(2), 541-552.

Amirul Mustofa & Febrian Ari Anggara. (2023). Cost benefit analysis of village fund management for improving education in sukumulyo village, jombang regency. *Journal of Contemporary Administration and Management (ADMAN)*, 1(3), 170-179.

- Bryant, M. (2006). Talking about change: Understanding employee responses through qualitative research. *Management Decision*, 44(2), 246-258.
- Made Subawa & Bagus Hermanto. (2023). Despite complicated portraits and policy orientation: struggle to articulate right to education based on the Indonesia constitutional court decisions. *Revista De Direito Internacional*, 20(2).
- Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Che Khadijah Hamid, Sakinatul Raadiyah Abdullah, & Salimah Yahaya. (2024). The Implementation of Cash Waqf People's Religious Schools (SAR). *Global Journal Al-Thaqafah*, Special Issue, 147-153.
- Bruce, C. (2007). Questions arising about emergence, data collection, and its interaction with analysis in a grounded theory study. *International Journal of qualitative methods*, 6(1), 51-68.
- Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Nazni Noordin & Mohd Zool Hilmie Mohammad Sawal. (2020). Aplikasi Ijarah ke Arah Melestarikan Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (Sar): Kajian di Pulau Pinang, Perlis Dan Keda. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 69.
- Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, Siti Aisyah Yusof, Hapiza Omar, Hanani Ahmad Fuad, Samsiah Bidin, Daing Maruak Sadek & Muhammad Saiful Islam Ismail (2024). Peranan Zakat Dalam Mencapai Ekuiti Pendidikan Di Malaysia: The Role Of Zakat In Achieving Educational Equity In Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 9(65), 487-499.
- Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda. (2017). Sorotan literatur pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia. *Islamiyyat*, 39(1), 39-46.
- Norly Marlia Kamaruddin, Nurul Nadiah Abdul Manap, Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek & Mohd Khairy Kamarudin. (2024). Peranan zakat dan wakaf dalam pembangunan ekonomi: kajian tinjauan literatur. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 6(1), 108-116.
- Rashedul Hasan, M. Kabir Hassan & Mamunur Rashid. (2019). Cash Waqf Investment And Poverty Alleviation: Case Of Tabung Masjids In Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 4(2), 333-346.
- Sindi Aurora Maharani & Purnama Putra. (2018). Optimalisasi Wakaf dalam Sektor Pendidikan. *MASLAHAH (Jurnal Hukum Islam Dan Perbankan Syariah)*, 9(1), 103-112.
- Surita Hartini Mat Hassan, Mohd Nasir Ayub, Sakinatul Raadiyah Abdullah, Salimah Yahaya, Che Khadijah Hamid & Siti Norma Aisyah Malkan@Molkan. (2023). Analisis Nominal Group Technique (NGT) Untuk Mengenal Pasti Kaedah Pembangunan Wakaf Pendidikan Di Sekolah Agama Rakyat (SAR). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 8(57).

Prosiding

- Surita Hartini Mat Hassan, Mohd Nasir Ayub, Sakinatul Raadiyah Abdullah, Salimah Yahaya, Che Khadijah Hamid & Farahdina Fazial. (2022). *Tadbir Urus Wakaf Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. In Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045 (Vol. 13, pp. 108-112).
- Wan Kamal Mujani, Mohd Syakir Mohd Taib & Mohamad Khairul Izwan Rifin. (2016). *Waqf higher education in Malaysia*. In 2016 International Conference on Education, E-learning and Management Technology (pp. 519-522). Atlantis Press.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.